

# **Peranan Buruh Asing Menangani Perubahan Struktur Ekonomi**

**oleh Dr Zulkipli Omar**

**Fello Penyelidik Kanan**

**Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)<sup>1</sup>**

Pertumbuhan ekonomi adalah penting untuk mencipta peluang pekerjaan. Penciptaan peluang pekerjaan ini pula mestilah sekurang-kurangnya sama dengan pertumbuhan tenaga buruh negara. Penciptaan pekerjaan baru di bawah pertambahan tenaga buruh akan mewujudkan masalah pengangguran.

Isu pengangguran merupakan masalah sosioekonomi yang kronik bukan sahaja untuk negara kurang maju atau sedang membangun, malahan negara maju turut menghadapi tekanan. Banyak negara-negara Eropah umpamanya menghadapi masalah pengangguran yang tinggi. Pengangguran pula akan melahirkan lain-lain masalah sosioekonomi, seperti peningkatan kadar jenayah dan seumpamanya. Bagi negara yang menekankan kebajikan, akan berlaku peningkatan penggunaan dana awam untuk menyokong para penganggur. Jika tidak dana tersebut boleh digunakan untuk perbelanjaan awam yang lebih produktif. Dalam pada itu tenaga buruh yang bergantung kepada kebajikan awam juga tidak produktif di dalam sesebuah ekonomi.

Malaysia telah melalui pelbagai fasa pembangunan ekonomi semenjak merdeka. Pada peringkat awal pembangunan ekonomi, penumpuan diberi kepada penciptaan peluang pekerjaan yang banyak. Ini adalah untuk mengatasi isu kemiskinan yang tinggi pada masa itu. Maka pertumbuhan ekonomi banyak bergantung kepada pembangunan industri yang berintensif buruh.

Banyak kilang-kilang yang berintensif buruh diwujudkan terutama melalui pelaburan asing terus (FDI). Kemasukan FDI ini telah merubah landskap pekerjaan di Malaysia. Banyak peluang pekerjaan terutama yang memerlukan kemahiran rendah dicipta di dalam ekonomi, sekali gus melihat penurunan kadar kemiskinan di dalam negara terutama di kalangan Bumiputra. Pada tahun 1976, kadar kemiskinan di kalangan

---

<sup>1</sup> Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Bumiputra adalah 46.5 peratus, dan semakin bertambah baik mencatatkan 17.5 peratus pada tahun 1992. Kadar kemiskinan Bumiputra terus menurun kepada 0.8 peratus pada tahun 2014.

Namun demikian, pembangunan ekonomi Malaysia selepas itu telah melalui pelbagai fasa yang menarik. Pergantungan kepada industri berintensif buruh semakin menurun dan pada masa yang sama industri berintensif modal dan teknologi semakin meningkat. Selari dengan itu pencapaian akademik tenaga buruh juga turut meningkat. Peratusan tenaga buruh yang mempunyai pencapaian pendidikan peringkat tertiar telah meningkat dari 10.1 peratus pada tahun 1992 kepada 27.6 peratus pada tahun 2015.

Pembangunan ekonomi yang dilalui oleh Malaysia, tiada persoalan tentang kebaikannya. Namun persoalan utama yang perlu dilihat adalah dari segi cabaran yang dihadapi. Segala cabaran pula perlu dilihat dari dua perspektif. Pertama, dari sudut peralihan yang perlu ditangani hasil dari perubahan struktur ekonomi. Kedua, cara bagaimana cabaran itu ditangani mempunyai implikasi terhadap pertumbuhan ekonomi masa hadapan. Bermakna, segala perancangan bukan sekadar untuk menyelesaikan isu semasa, tetapi turut berfungsi sebagai perancangan masa hadapan.

Antara cabaran yang dihadapi berkaitan dengan perubahan struktur ekonomi adalah isu kebergantungan kepada buruh asing. Peratusan buruh asing daripada jumlah tenaga buruh negara telah meningkat dengan ketara. Buruh asing terdiri dari 2.6 peratus daripada tenaga buruh pada tahun 1982 dan meningkat kepada 4.9 peratus sedekad selepas itu. Peningkatan ini tidak berapa ketara kerana pertumbuhan kilang-kilang di awal 1990an memanfaatkan tenaga buruh tempatan.

Namun pergantungan kepada buruh asing terus meningkat mencecah 10 peratus daripada jumlah tenaga buruh nasional pada tahun 1996. Peratusan ini terus meningkat sehingga 14.9 peratus pada tahun 2015. Ini bermakna jumlah buruh asing mengikut data rasmi Jabatan Perangkaan pada tahun 2015 adalah sekitar 2.2 juta. Antara penyebab utama kepada peningkatan buruh asing adalah kerana kelambatan industri untuk berpindah daripada pergantungan kepada teknologi berintensif buruh kepada teknologi yang lebih menumpukan kepada kepakaran buruh yang tinggi. Dengan ini industri mampu mengekalkan daya saing melalui kos buruh yang murah.

Terdapat pelbagai isu positif dan negatif yang lahir dari situasi ini yang tidak mampu dikupas sepenuhnya di dalam nukilan pendek ini. Ringkasnya, isu buruh asing ini tidak semestinya diselesaikan dengan hanya menumpukan kepada pengurangan jumlahnya atau peratusan pergantungannya. Premis utama penyelesaian isu ini adalah untuk meningkatkan produktiviti di dalam ekonomi kerana ianya merupakan punca pertumbuhan ekonomi masa hadapan.

Pergantungan kepada buruh asing tidak perlu disekat sepenuhnya, sebaliknya perlu dialihkan fokusnya dari dasar upah yang rendah kepada memanfaatkan kepakaran mereka. Malah di fasa awal pembangunan ekonomi, kebanyakan buruh asing adalah terdiri dari mereka yang berkemahiran tinggi. Strategi begini bukan sahaja mampu meraih manfaat terus dari kemahiran buruh asing, bahkan ianya juga mempunyai kesan limpahan terhadap tenaga buruh tempatan dari segi peningkatan kemahiran mereka.

Teknologi pengeluaran kini yang sedikit sebanyak masih berintensif buruh juga menyebabkan kadar penyerapan tenaga buruh mahir tempatan agak terhad. Tenaga kerja mahir yang dikeluarkan oleh institusi pengajian tinggi gagal diserap ke dalam pasaran buruh. Padahal kebolehan mereka pada tahap kemasukan agak setanding dengan tenaga mahir yang dikeluarkan oleh negara-negara maju.

Kegagalan tenaga buruh mahir tempatan untuk mendapatkan pekerjaan yang setimpal dengan kebolehan juga menyebabkan mereka tidak dapat mempraktikkan serta mengasah bakat mereka. Keadaan ini mengehadkan keupayaan untuk peningkatan kemahiran tinggi di dalam ekonomi dan ini seterusnya mempunyai implikasi terhadap peningkatan produktiviti. Situasi ini juga menggalakkan kepada pengaliran keluar tenaga mahir tempatan kerana bakat mereka mempunyai permintaan di lain-lain negara.

Taburan tenaga buruh menunjukkan peningkatan peratusan buruh asing seperti yang dibincangkan di atas. Pada masa yang sama, taburan peratus tenaga buruh mengikut kumpulan etnik menunjukkan penurunan di kalangan bukan Bumiputra. Peratusan tenaga buruh untuk kaum Cina telah menurun dari 33.1 peratus pada tahun 1982 ke 21.7 peratus untuk tahun 2015. Manakala untuk kaum India telah menurun dari 8.8 peratus ke 6.3 peratus untuk tempoh yang sama. Taburan peratusan untuk Bumiputra

pula agak stabil sekitar pertengahan lima puluhan (purata 54.8% untuk tempoh 1982-2015). Ini bermakna kehadiran buruh asing menghimpit keluar tenaga buruh dari kalangan masyarakat bukan Bumiputra. Kemungkinan besar kehilangan ini adalah dari tenaga mahir yang berhijrah keluar negara. Keadaan ini memberi penekanan menurun kepada kadar produktiviti negara.